

Hore, Hari Ini Hari Raya! (Tadika 1 Buku Besar 9 'Hari Ini Hari Raya')

Gambaran Keseluruhan:

Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk melukis idea yang telah dipelajari oleh mereka.

Matlamat Pembelajaran:

1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi

Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

1. menyertai kegiatan Bahasa Melayu secara aktif
2. membuat tanda, melukis simbol dan menulis abjad atau aksara untuk melambangkan idea

*Aktiviti Induksi

Guru:


- menunjukkan beberapa keping gambar tentang pakaian tradisional: sari, ceongsam, baju Melayu dan baju kurung
- meminta kanak-kanak meneka orang atau bangsa yang memakai pakaian-pakaian berdasarkan gambar-gambar yang ditunjukkan
- mengajak kanak-kanak berbual tentang pakaian tradisional

*Guru memulakan aktiviti pramenulis setelah menjalankan aktiviti induksi.



#1 Melukis perkara yang telah dipelajari


- Guru mengajak kanak-kanak duduk dalam kumpulan.
- Guru memberikan kertas mahjong kepada setiap kumpulan.
- Guru meminta kanak-kanak memilih dan melukis satu pakaian tradisional yang digemari oleh kanak-kanak.



Kanak-kanak melukis perkara yang telah dipelajari.

#2 Bercerita berdasarkan gambar yang dilukis

- Guru mengajak setiap kumpulan bercerita tentang gambar yang dilukis dengan menggunakan ayat-ayat mudah.



Guru mengajak kanak-kanak bercerita tentang gambar yang dilukis.

#3 Mencatatkan perkataan atau frasa berdasarkan perkongsian kanak-kanak

- Guru menuliskan satu perkataan atau frasa berdasarkan perkongsian kanak-kanak di papan tulis.
- Guru meminta kanak-kanak menyalin perkataan atau frasa tersebut.



Kanak-kanak menyalin perkataan atau frasa yang ditulis oleh guru.

**Tadika 1- Kanak-kanak tidak perlu menyalin perkataan atau frasa yang ditulis oleh guru.*

**Tadika 2- Kanak-kanak mula menyalin perkataan atau frasa yang ditulis oleh guru.*

